unisel
UNIVERSITI SELANGOR (483121-H)
www.unisel.edu.my

UNISEL/PB/500/04/2018(01)

12 Mac 2018

RECEIVED
12 MAR 2018
PEJABAT NAIB CANSELOR
UNISEL

**SEMUA STAF**
**Universiti Selangor (UNISEL)**

السلام‌عليكم ورحمة الله وبركاته

**YBhg. Dato'/Datin/Prof./Prof. Madya/Dr./Cik/Tuan/Puan**

**MEMO BIL. 01/2018 :- PERINGATAN PENGUATKUASAAN PENGISYTIHARAN PEMBUKAAN AKAUN BANK DI FAKULTI/UNIT/JABATAN/PEJABAT**

RECEIVED
12 MAR 2018

## 1.0 TUJUAN

Memo ini adalah sebagai hebahan kepada semua Staf Universiti Selangor (UNISEL) berkaitan peringatan penguatkuasaan pengisytiharan pembukaan akaun bank oleh Fakulti/Unit/Jabatan/Pejabat.

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Falsafah Pejabat Bendahari adalah untuk memastikan segala transaksi penerimaan dan perbelanjaan serta segala yang berkaitan dengannya direkodkan dengan tepat, benar dan jelas. Sehubungan ini, Pejabat Bendahari sedang mengemaskini rekod akaun bank yang diwujudkan secara berasingan oleh Fakulti/Unit/Jabatan/Pejabat di Universiti Selangor (UNISEL).

## 3.0 TINDAKAN STAF

3.1 Semua Fakulti/Unit/Jabatan/Pejabat dengan ini diarahkan untuk membuat pengisytiharan pemilikan akaun bank dengan menghantar butiran bank iaitu salinan cetakan muka hadapan buku akaun bank, salinan terkini aktiviti akaun bank berkenaan dan nama Penandatangan bagi akaun bank berkenaan.

3.2 Tindakan ini adalah khusus bagi pengisytiharan akaun bank yang berstatus aktif sahaja.

3.3 Selepas pengeluaran memo ini, pembukaan akaun bank yang baharu atas apa jua tujuan adalah tidak dibenarkan dan semua transaksi kewangan bagi tujuan penyaluran dana perlu melalui akaun rasmi UNISEL sahaja.

## 4.0 PERLAKSANAAN

Maklumat yang dinyatakan di sub perkara 3.1 perlu dihantar ke Pejabat Bendahari UNISEL sebelum atau pada **16 Mac 2018 (Jumaat)**. Kegagalan untuk mengisytiharkan akaun bank ini akan menyebabkan Penama Akaun tersebut dikenakan tindakan tatartertib seperti mana yang termaktub di dalam peraturan Universiti.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar ,

**ZAITUN BINTI ABD MALEK**
Bendahari
Universiti Selangor

s.k : Prof. Dato'. Dr. Mohammad Redzuan Bin Othman, Presiden & Naib Canselor
Tuan Haji Shamsul Azhar, Pendaftar 12/3/2018.
Puan Hajah Ruhani Zakaria, Pengarah Pejabat Pentadbiran & Sumber Manusia